


Sekolah makmal sebagai pusat penyelidikan pendidikan guru



MINDA PENDIDIK

Oleh ROSLEE TALIP

bersama Baharom Mohamad, Shukri Zain, Abdul Said Ambotang, Muhamad Suhaimi Taat dan Mohd Yusof Abdullah

BAHAGIAN pertama sekolah makmal telah mengupas kepada beberapa persoalan dan model pelaksanaannya di peringkat sekolah.

UB 21.03.2012 B4

Bahagian kedua ini pula akan mengupas lebih lanjut lagi tentang peranan dan kelebihan sekolah makmal dalam konteks keperluan dan pembangunan profesionalisme keguruan khasnya kepada negeri Sabah.

Berdasarkan kepada contoh-contoh sekolah makmal di luar negara, banyak kelebihan akan diperolehi dengan penubuhan sekolah makmal sebagai pusat penyelidikan pendidikan. Antara peranan yang boleh diperolehi menerusi pembinaan sekolah makmal adalah meningkatkan lagi tahap kompentensi guru pelatih di sekolah. Sebelum ini, kegagalan guru pelatih mengetahui pengetahuan praktis dan kandungan pedagogi untuk keberkesanannya pengajaran dan pembelajaran sedikit sebanyak menjaskan keputusan akademik di sekolah.

Disebabkan faktor masa, latihan praktikal yang dijalankan di sekolah-sekolah sedia ada hanya mampu menyediakan pengalaman pembelajaran yang terhad kepada guru-guru pelatih. Oleh itu, penubuhan sekolah makmal boleh mengurangkan kekangan guru pelatih berkenaan dengan menyusun atur waktu secara sistematis bersesuaian dengan keperluan latihan pengajaran. Dengan kata lain, sekolah makmal memberikan alternatif kepada guru pelatih menggunakan makmal hidup sebagai medan pertama percubaan mereka sebelum melangkah ke tahap mengajar yang sempurna dan berkesan.

Guru pelatih yang sedang menjalankan kajian di sekolah-sekolah tertentu terpaksa menghadapi perubahan budaya yang sedikit sebanyak bertentangan dengan teori pengajaran dan pembelajaran yang mereka perolehi sewaktu kuliah dan ini mungkin akan membantikkan tekanan kerja dalam kalangan mereka. Sesungguhnya, keadaan ini akan mendatangkan kesan yang mendalam ke atas guru pelatih itu sendiri. Selain faktor kekurangan pengalaman berhadapan dengan situasi yang tidak menentu di sekolah akan menyekat pembinaan kerjaya dan minat mereka terhadap profesion keguruan mereka pada masa depan. Ini kerana maklumat yang mereka perolehi sewaktu menjalani latihan mengajar akan memberikan pengalaman yang tidak realistik kepada bakal guru dan ini memberikan pengaruh langsung yang besar kepada jiwa dan profesion mereka.

Salah satu elemen yang menjayakan penubuhan sekolah makmal di Amerika Syarikat ialah kewujudan guru pakar atau master teacher. Guru pakar berlindak sebagai penyelia dan menjadi tumpuan kepada keberkesanannya bimbingan dan sistem penyeliaan terhadap pelatih yang yang menjalani latihan di sekolah makmal tersebut. Peranan mentor penyeliaan adalah amat penting serta memberi kesan yang mendalam kepada guru-guru pelatih.

Sekolah makmal mempunyai keunikan yang tersendiri. Antara kelebihannya adalah sekolah makmal boleh melakukan proses pertukaran guru bagi tujuan peningkatan tahap profesional guru di peringkat daerah. Ini dapat dilaksanakan kerana sekolah makmal mempunyai tenaga pengajar pakar atau master teacher yang terlatih dan dedikasi. Langkah ini dapat membantu mempertingkatkan sekolah-sekolah yang berhampiran dengan sekolah makmal tersebut. Objektif utama pertukaran guru adalah untuk membina model atau prototaip sekolah contoh berstruktur yang dapat menyokong pembaikan sosial mahupun pembelajaran akademik pelajar dan pada waktu yang sama dapat membaiaki latihan keguruan itu sendiri.

Sekolah makmal berupaya memainkan salah satu peranan utama dalam penyusunan semula struktur sekolah awam kerana sekolah tersebut adalah tempat yang paling sesuai menguji dapatan-dapatan kajian pakar pendidikan mahupun ahli-ahli akademik sebelum disebarluaskan kepada pihak-pihak yang lain, khususnya sekolah-sekolah awam. Sekolah makmal amat sesuai dijadikan model bagi menjalankan penyelidikan seperti menguji teori dan dapatan baru mengikut situasi sampel yang spesifik sebelum diimplementasikan di sekolah, peringkat daerah, negeri mahupun negara.

Selain itu, penubuhan sekolah makmal juga akan memberikan ruang kepada pihak-pihak yang berkenaan di institusi-institusi keguruan menyalurkan terus dapataan kajian mereka ke sekolah tanpa berlaku kecairan ilmu atau knowledge melting. Suasana sekolah sebenar yang wujud di sekolah makmal juga akan membantu dan memudahkan pensyarahan di institusi-institusi keguruan memahami dengan lebih dekat lagi realiti yang berlaku di sekolah.

Perancangan kurikulum masa depan juga boleh dipraktikan terlebih dahulu di sekolah makmal dengan terkawal apatah lagi di sekolah tersebut wujud latihan mengajar, segala jenis model-model dalam dunia pendidikan, penilaian dan latihan yang disatukan semuanya di satu tempat. Karenah birokrasi yang sering menghalang penyelidikan juga akan dapat diatasi selain menjimatkan perbelanjaan. Dengan itu penyelidikan diujikaji dalam skala yang kecil tidak perlu terlebih dahulu terpaksa melewati beberapa lapisan birokrasi sebelum dibawa ke peringkat yang lebih tinggi untuk diluluskan.

Jelas sekali tujuan asal penubuhan sekolah makmal adalah untuk penyelidikan pendidikan. Oleh itu, cadangan bagi penubuhan sekolah makmal di negara ini adalah bertepatan dengan peranan dan fungsi institusi-institusi keguruan itu sendiri sebagai pusat penyelidikan pendidikan. Selain itu, cadangan tersebut juga akan dapat membantu meningkatkan lagi kualiti pendidikan di Malaysia.